

# PERBARISAN SERAH TERIMA TUGAS PANGLIMA WILAYAH UDARA 1



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2977-perbarisan-serah-terima-tugas-panglima-wilayah-udara-1](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2977-perbarisan-serah-terima-tugas-panglima-wilayah-udara-1)

KUALA LUMPUR, 30 Jan 18 – YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Faudzi bin Hj Ahmad TUDM secara rasminya menyerahkan jawatan Panglima Wilayah Udara 1 kepada penggantinya iaitu YBhg Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM. Perbarisan serah terima tugas tersebut telah diadakan di Perkarangan Padang Kawad Markas hari ini.

Majlis serah terima tugas telah disaksikan oleh Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM serta dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dan anggota Markas Tentera Udara, Markas Wilayah Udara 1, Komander-Komander Pangkalan serta Pegawai Waran Pangkalan di bawah unit naungan MAWILUD 1.

